

13/07/1999

Tindakan Pas samakan Dr M dengan Firaun melampau

KUALA LUMPUR, Isnin - Pemimpin Barisan Nasional (BN) hari ini berpendapat tindakan Pas menyamakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Firaun adalah menggambarkan kejahilan dan sikap tidak rasional parti pembangkang itu.

Mereka berpendapat, pemimpin Pas terlalu ghairah untuk memenangi pilihan raya dan seharusnya melihat diri mereka sendiri terlebih dulu sebelum melemparkan pelbagai tuduhan terhadap orang lain.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tajol Rosli, berkata pemimpin parti pembangkang, terutama Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor yang mendakwa Dr Mahathir cuba meniru cara pemerintahan Firaun kerana membina kediaman rasmi Perdana Menteri di Putrajaya, sepatutnya berfikir terlebih dahulu.

"Di Amerika Syarikat, ada Rumah Putih, Korea pula dengan Rumah Biru. Malah Diet (Parlimen) Jepun baru-baru ini meluluskan peruntukan AS\$268 juta (kira-kira RM1 bilion) bagi membina rumah untuk Perdana Menteri.

"Kenapa kita tidak boleh membina rumah Perdana Menteri yang setanding dengan (kehebatan) Putrajaya," katanya kepada Berita Harian ketika ditemui di lobi Parlimen, di sini hari ini.

Fadzil Noor ketika memberi ceramah politik di Bagan Datoh, Perak, malam kelmarin dilaporkan mendakwa bahawa Dr Mahathir cuba meniru cara pemerintahan Firaun dengan membina kediaman rasmi Perdana Menteri di Putrajaya.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, pula ketika mengulas perkara yang sama berkata rakyat sebagai pengundi di negara ini adalah penentu untuk menolak parti atau pemimpin bersikap keterlaluan yang melemparkan tuduhan tidak berasas.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas selepas merasmikan majlis menandatangani memorandum perjanjian pelaksanaan program matrikulasi Kementerian Pendidikan dengan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di sini.

Katanya, rakyat boleh menilai sama ada ingin terus memberi mandat kepada parti bertanggungjawab seperti Barisan Nasional untuk bertindak sebagai kerajaan atau pihak yang bersikap keterlaluan itu.

Beliau berkata, ini kerana cara paling berkesan untuk menghentikan sikap pihak yang bersikap keterlaluan itu ialah dengan menolak parti atau pemimpin yang berbuat sedemikian.

(END)